

Sajak Dalam Perjuangan Islam

Abdullah bin Rawahah Penyajak Islam Yang Ulung.

Oleh: Norhisham Mustapha

Gurun tandus Jazirah Arabiah di tahun-tahun perkembangan Islam

Di gurun tandus Jazirah Arabiah dalam tahun-tahun permulaan perkembangan Islam. Di sana, cengkaman dan belaian silih berganti digugat kesangsian dan kepastian. Terik panas dan membakar, angin malam dalam alunan gelombang mengelus lemah dan perkasa, menguasai daya fikir dengan serba kebimbangan. Jerit dan tangisan penyesalan, bersama sorak gembira meramaikan mainan dan ejekan.

Kafilah demi kafilah, menengadah dan memaling wajah . . . di manakah kencana membawa hidup bahagia? Ketandusan dan kegersangan melucuti suara hati yang selalu berbisik, manakah tempat pengabdian, syukur dan sujud? Genta riuh dalam kebimbangan terus berdenting, kerinduan teruna kian merajuk rasa cinta yang bersemi, dan juwita jelita menanti pengabdian jejak simpati.

Saat-saat duka dan gembira, penentuan makmur atau hancur,

di sanalah dengan syahdu belaian mengelus jelas. Ketampilan pemimpin-pemimpin dengan tuntunan bahagia dunia dan akhirat.

Dibawanya lentera dalam gelap yang pekat. Tongkat pegangan dijalin licin.

Mengasuh bayi dan anak untuk mengabdikan diri pada kebenaran. Itulah

Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*.

Dada insani diisi iman dan tauhid. Bangkit dan sedia melaksanakan ajaran Ilahi. Tampil bersama tuntutan nurani; gurun kering jadi saksi, hanya Tuhan yang dipuji. Siapa penentang adanya Tuhan, adalah mati walau pun dia hidup.

Pertempuran mana kesatria rubah, di medan juang Islam sentiasa utuh. Hidup dan mati adalah pengabdian pada Ilahi. Kecintaan sama sejagat sentiasa mekar dalam sanubari.

Di saat itulah tampilnya seorang pahlawan Islam yang berkemampuan bersajak, bersajak dalam penuh rasa sedar dan insaf.

“Engkau Rasul maha utama
aku sedia mati
menentang siapa saja
yang melangkahi sunnahmu.
Semoga Allah mengabadikan
keutamaan dan kemenangan
yang telah dianugerahi padamu
seperti pada rasul-rasul yang lalu.
Aku melihat dalam firasatmu
hanya dadamu kebaikan semesta
peristiwa berbeza
dengan firasat mereka.”

Itulah Muhammad dalam sajak Abdullah bin rawahah. Betapa suci hatinya. Dia sanggup berkorban demi keutuhan Muhammad dan Islam. Dia membuat pertimbangan, dan pertimbangannya adalah: Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* adalah seorang rasul yang suci.

Ketika mahu menuju medan perang Muktah, Abdullah bin Rawahah meninggalkan sebuah salam dalam serangkap sajaknya:

“Tinggalkan salam bahagia
kepada pengantar utama
yang baru pamitan dengan kita
dalam kebun kurma¹”.

¹ Perkataan sebenarnya adalah kurma.

Sajak Dalam Perjuangan Islam.

Abdullah Rawahah adalah penyair utama di zaman Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*. Dan dengan rasa cinta seorang insan, hatinya berbisik pada kudanya yang setia dalam sebuah sajak ketika mahu ke medan perang: “Bila tujuanku telah engkau dekatkan dan pelanaku telah engkau bawa sejauh empat hari perjalanan setelah meninggalkan desa Hasa’ di sana bahagia ku nanti aku tidak akan kembali lagi ke tanah tempat lahirku.

Para mujahidin mukminin datang dan pulang kembali aku mereka tinggalkan di tanah Syam yang subur dan dalam waktu yang dekat engkau pun akan berangkat mengadap Tuhan keagungan.

Di sana nanti aku tidak peduli lagi pucuk muda yang segar atau kruma² tua yang layu kerana hakikatnya sama.”

Demikianlah harapan Abdullah. Dia melakukan sesuatu mengikut kehendak keimanan dan tanpa hasutan iblis syaitan. Dia jujur, dia berani dan dia tegas.

Air mata mengalir membasahi pipi. Sendu perkasa yang mesra, sebagai pengabdian dan kerinduan pada Ilahi. Air mata bukan bererti lemah, tapi penuh dendam, penuh semangat jihad, memadam bara yang membakar alam semesta dari cengkaman laknat, penentang Ilahi,

yaitu orang-orang Quraisy musyrikin yang begitu biadab dan jahil.

Di masa-masa, mata Abdullah menitikkan air. Mengapa? Dia bertanya dengan jiwa nuraninya: “Mengapa engkau berduka, kalau Allah akan menghadiahkanmu syahid?”

Abdullah juga manusia. Dan wajarlah kalau-kalau dia menangis dan gembira, bimbang dan pasti. Tapi bila kebimbangan tetap menguasai dirinya, dengan tegas dia bertindak menghilangkan itu semua. Dan bersajaklah dia: “Wahai diriku yang bimbang kalau tidak membunuh, engkau dibunuh ini telaga kematian sedang menanti mangsanya.

Kecintaanku selama ini kini telah berwujud jika jejak Zaid dan Jaa’afar kuturuti pasti berbahagia.

Kalau kau mengundur diri kecelakaan telah menanti.”

Iblis dan syaitan yang mengajak dalam kebimbangan pujangga Abdullah Rawahah, diterpanya bersama semangat yang waja, segala perbuatan, segala pertanyaan, yang menyebabkan keraguan, dicubanya untuk mengikis habis. Abdullah juga seorang panglima tertinggi tentera Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*. Dan ketika sebuah rasa untuk undur dari medan perang meletus di hatinya, dengan berani dia mengutukinya dirinya, seperti dalam sajaknya ini: “Wahai diriku yang celaka mengapa engkau tak suka syurga? Berjanjilah dengan nama Ilahi bahawa engkau akan menuju Firdausi.

Dengan sukarela engkau ke syurga atau engkau tak ingin menempatinnya?

Ah!

Alangkah lamanya engkau tenang bahagia.

Bukankah engkau hanya segumpal darah yang hina yang telah mengajak manusia membunyikan genderang perang?”

Demikian Abdullah yang sentiasa mengkoreksi dirinya. Patriotik syuhada yang rindukan syahid dalam menghadapi lawan, itulah Abdullah Rawahah. Kini Abdullah telah tiada, dia benar-benar telah mengabdikan diri untuk Tuhan. Tapi jasanya bagi perkembangan Islam, jasanya dalam menumpaskan lawan dan jasanya dalam perbendaharaan kesusasteraan Islam, tidak dapat dilupakan oleh sesiapa pun.

Baktinya dalam bidang persajakan, banyak menolong membangkitkan semangat perjuangan kepada anak-anak muda Islam. Dan itulah sebenarnya letaknya nilai seni sastera dalam pandangan Islam. -

Tuntunan al-Qur’ān

Ahli syair (pantun) itu diturut oleh orang-orang yang sesat. Tiadakah engkau perhatikan, bahawa mereka itu berjalan keyana³ ke mari pada tiap-tiap lembah (desa atau kampung)? Sedang mereka itu mengatakan apa yang tiada diperbuatnya. Kecuali mereka (ahli syair) yang beriman dan beramal salih, serta selalu mengingat Allah sampai mereka beroleh kemenangan sesudah teraniaya, nanti orang-orang yang aniayai itu bakal tahu ke mana tempat mereka kembali?

[*Al-Shu‘arā’*: 224-227]

² Perkataan sebenarnya adalah kurma.

³ Perkataan sebenarnya ialah ke sana